

Banyak restoran asing tidak disijilkan

UTUSAN MALAYSIA (01/04/2014) MTS 03

KUALA LUMPUR 31 Mac - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengakui masih banyak restoran hidangan asing di negara ini belum dipersijilkan halal meskipun beroperasi di tempat tumpuan awam seperti kompleks beli-belah.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mohamad Nordin Ibrahim berkata, terdapat permohonan yang terpaksa ditolak pihaknya kerana tidak memenuhi syarat-syarat pensijilan yang tidak menepati keperluan dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Ketiga) 2014.

"Terdapat restoran yang belum mengemukakan permohonan dan ada yang telah permohonan namun tidak memenuhi syarat-syarat pensijilan termasuk wujud keraguan dalam bahan ramuan, syarikat pembekal produk halal serta tidak halal dan sebagainya.

"Permohonan yang tidak memenuhi prosedur dan piawaian standard halal dinasihati supaya menambah baik sekali

gus menepati kriteria ditetapkan jika ingin mendapatkan sijil pengesahan halal Malaysia," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini baru-baru ini.

Mingguan Malaysia menerusi laporan khasnya hari ini melaporkan ramai masyarakat Melayu beragama Islam masih tidak menyedari kebanyakan restoran asing dikunjungi khususnya yang menawarkan menu Jepun dan Korea tidak memiliki status halal.

Kebanyakan restoran seumpama itu tidak menggantung logo atau sijil perakuan halal pada pintu masuk premis dan sekadar menampal tanda *no pork* dan *no alcohol* bagi menarik pelanggan Islam memandangkan ada restoran yang berkemungkinan menggunakan bahan diragui tahap halalnya.

Dalam pada itu, Mohamad Nordin menambah, pengguna Islam perlu lebih peka serta waspada dengan membuat semakan terlebih dahulu sebelum memasuki sesuatu premis yang meragukan.

Jelasnya, kemajuan internet membolehkan pengguna berbuat demikian dengan mudah melalui laman web, www.halal.gov.my dan aplikasi telefon pintar, Verify Halal.

"Selain itu, pengguna juga boleh mengunjungi laman sosial Facebook, Bahagian Hab Halal Jakim untuk semakan status sijil halal.

"Untuk makluman, kita akan terus mempergiatkan usaha mempromosi pensijilan halal agar lebih banyak premis dan restoran dipersijilkan halal seterusnya memudahkan pengguna khususnya masyarakat Islam," jelasnya.



MOHAMAD NORDIN